

21 MAY 1998

Mahathir-Habibie

DR MAHATHIR YAKIN HABIBIE MAMPU ATASI MASALAH INDONESIA

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menghantar perutusan tahniah kepada Prof B.J. Habibie kerana pelantikannya sebagai Presiden Indonesia menggantikan Suharto yang meletakkan jawatan hari ini.

Dalam perutusan yang dihantar menerusi Wisma Putra, Perdana Menteri berkata beliau merasa syukur kerana proses pemindahan kuasa Presiden dijalankan secara aman dan mengikut perlembagaan negara itu.

"Saya harap dengan pelantikan yang mulia Bapak ini, Indonesia akan segera pulih dengan keadaan tenang dan aman serta maju semula seperti mana yang diharapkan oleh seluruh rakyat Indonesia," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga percaya Habibie boleh menyelesaikan masalah dan cabaran yang dihadapi negara itu.

"Saya juga yakin bahawa seluruh rakyat Indonesia akan memberi sokongan penuh mereka kepada yang mulia Bapak dalam menerajui Republik Indonesia ke alaf baru.

"Semoga kepimpinan yang mulia Bapak Presiden akan dapat meneruskan hasrat kita untuk berusaha mempereratkan lagi tali persahabatan dan hubungan silaturrahim yang istimewa dan yang sedia terjalin di antara Malaysia dan Indonesia," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RA MAI